

SH 9/1/2019 m/s 20

Nelayan tagih janji kerajaan

**Harap kerajaan
tunai janji, manifesto
mahu bantu
golongan nelayan**

ZAIMATULJUWITA AB MANAF &
ROHANA ISMAIL

KOTA BHARU

Nelayan berharap kerajaan akan dapat melunaskan janji untuk membantu mereka yang lazimnya hanya bergantung kepada sumber pendapatan di laut dan Elau Sara Hidup (ESH) semata-mata.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak berkata, pihaknya bersetuju sekiranya kerajaan ingin mengambil inisiatif lebih baik membantu nela-

yan seluruh negara.

Beliau berkata, sebarang tindakan kerajaan perlulah berpaksikan keperluan nelayan dan bukan hanya sekadar untuk berjanji seperti mana manifesto yang masih belum ditunaikan.

"Kita setuju kalau betul nak buat tapi biarlah ia boleh yakinkan nelayan kerana kita bimbang ia sekadar cakap - cakap sahaja sebab dalam manifesto pun masih ada yang tak ditunaikan sedangkan kita perlu janji PRU untuk ditunaikan.

"Sekarang ini mana yang ada pun cuba dikurangkan seperti ESH yang dikatakan bakal dikurangkan kepada RM200.

"Saya tak tahu bila ia akan berkuat kuasa tetapi ada dengar ura-ura mengenyainya.

"Syarat nak buat pemutihan pun kita setuju agar hanya nelayan yang benar-benar ke laut sahaja dapat elaun, itu kita tak nafikan," katanya.



AZMI

Katanya, kalau elaun yang ada pun hendak dikurangkan ia akan menyusahkan nelayan kerana kebanyakan nelayan muda terutamanya yang baru kahwin, ada anak-anak sekolah bergantung kepada elaun itu pada musim tengkujuh yang panjang ini.



SARIPUDIN

Manakala, Bagi Azmi Abdul Manaf, 51, dari Kampung Geting, Tumpat, apa pun insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan ianya mesti membela nasib nelayan.

Katanya, demi meneruskan kelangsungan hidup, nelayan bukan hanya mencari rezeki di laut sahaja

info

**Nelayan harap elaun sara
hidup tidak dihapuskan
sekiranya mahu perkenal
insentif baharu**

tetapi melakukan pekerjaan sampingan.

"Macam saya, musim ikan bilis saya memproses bilis, memproses budu. Saya juga turun ke laut menangkap ikan yang menjadi pendapatan utama saya untuk besarkan tujuh anak.

"Sekiranya kerajaan mahu perkenalkan insentif baharu kepada nelayan dan petani, saya berharap elaun sara hidup tidak dihapuskan perlu diteruskan kerana ia banyak membantu menampung kos perbelanjaan di musim tengkujuh," katanya.